

# Atasi masalah *broken shortcut*

**BAGAIMANA** untuk mengatasi masalah *broken shortcut* dalam sistem Windows?

-Mohd. Iman, Dungun.

Masalah dengan *broken*

**SEMBANG  
ICT**



Bersama Firkhan  
sembangict@yahoo.com

*shortcut* ini sering terjadi apabila fail yang sebenar dibuang atau dipindah ke tempat lain atau berlaku nyah pasang aplikasi komputer dan lain-lain. Ia menyebabkan lokasi sebenar fail tersebut tidak diketahui oleh ikon pintas.

Ia juga boleh

disebabkan oleh jangkitan virus seperti yang pernah dibincangkan sebelum ini.

Terlalu banyak ikon pintas yang tidak berfungsi boleh menyebabkan situasi serabut pada sistem Windows dan boleh mempengaruhi kestabilan perjalanan sistem tersebut.

Jadi, ada cara sistematik boleh digunakan untuk membuang ikon-ikon pintas yang dalam kuantiti banyak ini.

**1** Dalam sistem Windows, boleh menggunakan fungsi *System Maintenance Troubleshooter* untuk mengatasi masalah *broken shortcut* ini. Ia akan secara automatik mengesan dan memperbetulkan masalah yang terdapat dalam Windows termasuk ikon yang tidak digunakan, masalah sistem masa, masalah cakera dan lain-lain.

Tata cara untuk membuka *System Maintenance Troubleshooter*:

- Klik butang *Start > Control Panel*. Dalam kotak *search*, taip *troubleshooter* dan klik pada pilihan *Troubleshooting*.
- Di bawah menu *System and Security*, klik pilihan *Run*

**2** Selain daripada itu, boleh menggunakan perisian sumber ketiga seperti *Bad Shortcut Killer*, *Broken Shortcut Fixer* dan lain-lain.